

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RAG 132 – Pengantar Alam Bina

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LAPAN** soalan. **BAHAGIAN A** adalah **Wajib**. Jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**, **DUA** soalan dari **BAHAGIAN C** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN D**.

BAHAGIAN A: (WAJIB)

1. Menggunakan lakaran dan notasi, jelaskan keseluruhan konsep
 - (a) Penghasilan Alam Bina
 - (b) Skala Alam Bina
 - (c) Perumahan: Proses dan Produk

(10 markah)

BAHAGIAN B: Jawab DUA soalan sahaja (30 markah)

2. Menggunakan lakaran artifak alam bina dan notasi, jelaskan satu-persatu kenyataan-kenyataan yang terkandung di dalam Deklarasi Pulau Pinang 1997 seperti di bawah:-

Teks

**Deklarasi Pulau Pinang: Arkitektur Untuk Alaf Ke3
(Penang Declaration of Architecture For Millennium 3)**

Kami pelajar-pelajar seni bina seMalaysia, sebagai warga komuniti arkitektur dunia, penuh hemah dan kesedaran, dengan ini menyatakan:-

1. bahawa arkitektur adalah milik manusia dan kami mencipta untuk kesejahteraan mereka seluruhnya;
2. bahawa bumi adalah tapak yang diamanahkan kepada kami untuk menempatkan hasil kami untuk diwarisi generasi akan datang;
3. bahawa alam adalah sumber peraturan yang sentiasa kami halusi untuk mencapai kesenimbungan dan keseimbangan;
4. bahawa ilmu adalah alat utama dalam segala penghasilan ini;
5. demi Pengatur Sekelian alam ciptaan kami hanyalah untukNya
6. Dirgahayu arkitektur

Tertandatangan:

Pengarah MAB97, Bengel Seni Bina XII, A. Rahim Munajat

Ketua Delegasi UTM	Ketua Delegasi UM	Ketua Delegasi UIA
Ketua Delegasi ITM (Shah Alam)	Ketua Delegasi ITM (Perak)	Ketua Delegasi PUO
Ketua Delegasi POLISAS	Ketua Delegasi LICT	Ketua Delegasi FIT

Universiti Sains Malaysia, 12 Disember 1997

(15 markah)

3. Menggunakan lakaran dan notasi, terangkan:-
 - (a) Maksud kerosakan alam;
 - (b) Bagaimana kerosakan ini adalah hasil dari penghasilan alam bina;
 - (c) Bagaimana proses kerosakan dapat diputarbalikkan.

(15 markah)

....3/-

- 3 -

4. Menggunakan lakaran dan notasi, terangkan:-

- (a) Maksud globalisasi;
- (b) Bagaimana salah-satu dari profesion dalam industri alam bina membuat persiapan menghadapi fenomena ini;
- (c) Apa yang mungkin berlaku kepada profesion di atas dalam jangkawaktu terdekat.

(15 markah)

5. Menggunakan lakaran dan notasi, jelaskan:-

- (a) Erti ekotektur;
- (b) Perbezaannya dengan fahaman asas profesion-profesional dalam industri alam bina;
- (c) Bagaimana ini dapat dikongsi dengan warga bumi.

(15 markah)

BAHAGIAN C : Jawab DUA soalan sahaja (30 markah)

6. (a) Senarai dan hubungkan dengan bantuan gambarajah aktor-aktor yang terlibat dalam Industri Pembinaan.

(5 markah)

- (b) Pilih **TIGA (3)** daripada aktor-aktor yang disenaraikan di atas dan huraikan peranan dan tanggungjawab mereka dalam merealisasi dan menjayakan sesebuah pembangunan fizikal dalam konteks alam bina.

(10 markah)

7. (a) Huraikan proses perancangan dan rekabentuk tapak yang perlu dilalui oleh jururancang atau arkitek untuk membangunkan sesebuah tapak.

(10 markah)

- (b) Nyata dan huraikan jenis-jenis maklumat yang perlu dikomunikasikan secara grafik dalam mana-mana lukisan pelan tapak sesuatu pembangunan.

(5 markah)

....4/-

8. Huraikan **TIGA (3)** daripada lima (5) perkara berikut:-
- (a) Sistem Reka dan Bina (5 markah)
 - (b) Dokumen Tender (5 markah)
 - (c) Proses Sintesis (5 markah)
 - (d) Kelulusan Merancang dan Kelulusan Bangunan (5 markah)
 - (e) **Tiga (3)** Tujuan Asas Rekabentuk Bangunan (5 markah)

BAHAGIAN D: Jawab TIGA soalan sahaja (30 markah)

9. Takrifkan bandaraya primat. Bincangkan keadaan yang menyebabkan wujudnya bandaraya primat. (10 markah)
10. Senarai dan terangkan secara ringkas ciri-ciri masyarakat bandar menurut Tonnies. (10 markah)
11. Jelaskan bagaimana bandar-bandar awal berkembang melalui aktiviti-aktiviti eksport. (10 markah)
12. Terangkan bagaimanakah bandar pelbagai pusat boleh terbentuk dan faktor-faktor yang menyumbang kepada morfologi bandar tersebut. (10 markah)
13. "Sistem penempatan di Malaysia secara amnya adalah merupakan penempatan bandar".
Beri pendapat anda tentang kenyataan di atas dengan menggunakan takrifan-takrifan bandar. (10 markah)